SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/10/129 (HQ)

TNB PERUNTUK RM186 JUTA UNTUK SKIM LATIHAN
'TNB RESKILLING MALAYSIA' & 'TNB PROTÉGÉ'

- RM43 juta untuk latih 17,500 pekerja teknikal mahir menjelang 2024 menerusi TNB Reskilling Malaysia
- RM143 juta lagi untuk latih 6,477 graduan bagi TNB Protégé sejak 2011

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperkukuhkan peranannya dalam Pelan Pemulihan Negara menerusi peruntukan RM43 juta bagi program TNB Reskilling Malaysia yang diperkenalkan akhir tahun lalu bagi membantu usaha Kerajaan mengurangkan kadar pengangguran di kalangan pekerja teknikal.

Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin berkata peruntukan ini menjadikan sejumlah RM186 juta diperuntukkan TNB dalam inisiatif mengurangkan kadar pengangguran negara berikutan peruntukan RM143 juta oleh TNB sejak 2011 khusus untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

TNB menerusi institusi latihan teknikalnya, ILSAS mensasarkan untuk melatih semula 17,500 tenaga kerja yang terkesan akibat COVID-19 sehingga tahun 2024. "Sejak program ini mula dilaksanakan pada Oktober 2020, ILSAS telah berjaya melatih dan membuat padanan pekerjaan seramai 2,376 orang di 268 buah syarikat dalam industri."

"Inisiatif ini dijangka mampu menyumbang peningkatan sehingga 6% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui kesan berganda dalam ekonomi yang nilainya boleh mencapai sehingga RM82 bilion dalam tempoh 3 hingga 5 tahun akan datang", katanya pada majlis perasmian TNB Reskilling Malaysia dan TNB Protégé, di ILSAS di sini hari ini.

Program dilancarkan Menteri Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, di Auditorium Abu Zarim, ILSAS Bangi, hari ini. Hadir sama, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din dan pengurusan tertinggi TNB.

TNB Reskilling Malaysia dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia yang memberikan komitmen untuk menampung baki kos program sebanyak RM38 juta lagi.

Menurut Hasan TNB Reskilling Malaysia dan TNB Protégé dilaksanakan dalam usaha syarikat utiliti nasional itu membantu kerajaan menggerakkan pemulihan ekonomi negara akibat pandemik COVID-19.

Katanya TNB juga telah melatih 5,477 pelatih Protégé, iaitu Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs sejak 2011 dengan peruntukan sebanyak RM143 juta. Ia telah meningkatkan kebolehpasaran para graduan muda ini, dan ini terbukti dengan seramai 2,633 pelatih telah mendapat pekerjaan dalam masa 6 bulan setelah tamat latihan.

Bagi skim latihan Protégé terbaharu, "seramai 1,000 pelatih akan menjalani latihan mereka selama 12 bulan di TNB," kata Hasan.

Sementara itu, Takiyuddun dalam ucapan perasmiannya berkata kementeriannya sangat mengalu- alukan komitmen TNB melaksanakan kedua-dua program ini dengan peruntukan yang agak besar untuk menyuntik dan memangkin pemulihan ekonomi negara. "Sumbangan para pelatih reskilling dan protégé kepada kegiatan ekonomi kelak, sudah tentu memberi kesan postif kepada keluaran dalam negara kasar."

"Inisiatif ini sejajar dengan usaha kerajaan mahu mewujudkan peluang pekerjaan baharu bagi membantu golongan yang hilang pekerjaan akibat pandemik, yang mencari pekerjaan baharu dan mereka yang baru menamatkan pengajian, iaitu yang baharu memasuki pasaran pekerjaan.

Takiyuddun juga berkata kejayaan inisiatif TNB ini bergantung kepada kemampuan TNB menggerakkan kegiatan ekonomi dalam industri tenaga, kekal sebagai antara syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang stabil kewangannya, selain terus perlu berdaya maju sebagai aset strategik dalam usaha Malaysia membentuk semula ekonominya.

"Justeru, adalah sangat penting bagi utiliti seperti TNB untuk mendapat kadar pulangan yang wajar dan berpatutan bagi membolehkannya terus membiayai pelaburan yang menyokong agenda peralihan tenaga negara, merangsang kembali ekonomi, mencipta peluang pekerjaan sambil memberikan pulangan yang sewajarnya kepada para pemegang sahamnya."

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 Oktober 2021, jam 7.00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Fazreen 019-3160401
atau emel kami: media@tnb.com.my

Mengenai TNB Reskilling Malaysia

Lima bidang yang ditawarkan untuk TNB Reskilling Malaysia adalah Sistem Fotovoltaik Bersambung Grid; Pemasangan meter pintar; Juruelektrik operasi dan senggaraan sistem kuasa; Senggaraan kemudahan elektrik voltan sederhana dan Senggaraan kemudahan elektrik voltan rendah.

Latihan dilaksanakan TNB Integrated Learning Solution Sdn. Bhd. (ILSAS) di Bangi dan Pusat Reskilling di Muadzam Shah, Pahang. ILSAS yang ditubuhkan pada tahun 1978 bukan sahaja menjadi cabang latihan termasuk mengukuhkan kompetensi tenaga dalaman TNB menjadi Subject Matter Expert (SME) industri tenaga, bahkan semakin luas cakupannya dengan melatih mereka di luar TNB termasuk dari luar negara.

Mengenai TNB Protégé

Kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta TNB dengan focus ke arah memberi latihan kepada lepasan ijazah dengan hasrat mewujudkan sendiri peluang pekerjaan menjadi usahawan.

Program TNB Protégé selari dengan hasrat TNB untuk melihat setiap peserta yang menyertai program ini di bawah TNB bukan sahaja memperoleh pengalaman bernilai, tetapi dapat meningkatkan sosioekonomi keluarga dan menyediakan tenaga kerja terlatih dalam industri tenaga.

Menteri Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (dua, kanan) diiringi Pengerusi TNB Dato' Sri Hasan Arifin (paling kiri) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (dua, kiri) dan Pengarah Urusan TNB ILSAS, Siti Sarah Johana Mohd Said (paling kiri) bersama peserta TNB Protégé di Auditorium Dewan Abu Zarim ILSAS, Bangi.

Menteri Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (tengah) diiringi Pengerusi TNB Dato' Sri Hasan Arifin (kanan) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (kiri) ketika merasmikan Majlis TNB Reskilling Malaysia dan TNB Protégé di Auditorium Dewan Abu Zarim ILSAS, Bangi.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (kiri) bersama Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (tengah) dan Pengerusi TNB Dato' Sri Hasan Arifin (kanan) ketika melawat Gallery Walk selepas merasmikan Majlis TNB Reskilling Malaysia dan TNB Protégé di Auditorium Dewan Abu Zarim ILSAS, Bangi.

Menteri Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (dua, kiri) mencuba sendiri ujian kejituan Smart Meter menggunakan Portable Test Set (PTS) sambil diperhatikan Pengerusi TNB Dato' Sri Hasan Arifin (dua, kiri) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (paling kanan) ketika lawatan di tempat latihan pemasangan Smart Meter di ILSAS selepas merasmikan Majlis TNB Reskilling Malaysia dan TNB Protégé di Auditorium Dewan Abu Zarim ILSAS, Bangi.